# Kertas Bil. 57/2015

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN 6 – 9 APRIL 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MAIS CONSTRUCTION & PROPERTIES SDN. BHD.**

**KERTAS BILANGAN 9/2015**

---

| Bil. | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS tidak terlibat dalam perjanjian yang berat sebelah dan merugikan lagi. | | | 5. Tiada lagi perjanjian berat sebelah yang ditandatangani oleh pihak KUIS.<br><br>KUIS telah mewujudkan Penasihat Undang-Undang, Bahagian Audit Dalaman, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit yang dapat membantu dan menasihati KUIS agar perkara yang sama tidak akan berulang. |
| | | 6. Selain itu, Kerajaan Negeri hendaklah melakukan penyiasatan terhadap perjanjian yang ditandatangani itu. | | | 6. a) Kes ini dalam proses mahkamah.<br><br>b) Ahli Lembaga Pengarah KUIS juga terdiri daripada Tuan Mohd Azari Harun, Ketua Unit Pendakwaan, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor yang boleh memberi nasihat berkaitan undang-undang.<br><br>c) Kes ini telah dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah KUIS. |
| | | 7. Kerajaan Negeri hendaklah mengutamakan keselamatan penyewa asrama pelajar dan tidak mengabaikannya semata-mata untuk memastikan sewa bangunan asrama pelajar dibayar. KUIS harus memastikan asrama pelajar ini akan mendapat sijil CCC dalam masa setahun. | | | 7. Pihak MAIS bersama-sama pihak KUIS telah mengadakan perundingan untuk menyelesaikan masalah CCC seperti mana dimaklumi. |
| 2. | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MAIS** | 1. Kumpulan MAIS Corporation (KMC) hendaklah memastikan rancangan perniagaan MCPSB tercapai dan tidak terlalu bergantung kepada projek yang dikelolai oleh MAIS Development Sdn Bhd.<br><br>2. KMC hendaklah memastikan MCPSB dapat meningkatkan keupayaan menjana pendapatan sendiri. | | | 1. Pihak MCPSB telah berusaha memasuki tender luar contohnya tender perolehan JKR.<br><br>2. a) MCPSB akan mendapatkan kredit facilities dari pembekal untuk pembelian bahan binaan.<br><br>b) Pihak MCPSB telah berusaha memasuki tender luar untuk menjana keuntungan dan keuntungan tersebut akan dijadikan modal projek. |

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

| Bil. | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | **CONSTRUCTION & PROPERTIES SDN. BHD.** | 3. KMC hendaklah memastikan MCPSB membuat pinjaman modal dan memperluaskan skop kerja mereka supaya dapat bersaing di pasaran luar.<br><br>4. KMC hendaklah memastikan MCPSB mempunyai rancangan perniagaan yang kukuh untuk memastikan aliran tunai yang sihat dan meningkatkan kadar pulangan projek.<br><br>5. KMC hendaklah memastikan MCPSB memantau tunggakan bayaran interim dan wang tahanan secara berkala.<br><br>6. KMC hendaklah memastikan MCPSB menetapkan piawaian untuk memastikan kerja berkualiti supaya kecacatan dan kerosakan pada bangunan dapat dikurangkan.<br><br>7. KMC hendaklah memastikan MCPSB melakukan pemantauan kerja yang kerap.<br><br>8. KMC hendaklah memastikan MCPSB melakukan kajian tanah yang menyeluruh sebelum pembinaan.<br><br>9. KMC hendaklah memastikan MCPSB mempunyai kontraktor dalaman yang berdedikasi supaya kualiti kerja pembinaan dapat dikawal. | | | 3. Pihak MCPSB akan menambah sub kepala bagi gred G7 dan membuat pinjaman daripada MAIS untuk memulakan kerja pembangunan hartanah.<br><br>4. MCPSB akan memastikan kadar pulangan projek sekurang-kurangnya 15% dan berbincang terlebih dahulu dengan pihak MAIS bagi kos projek sebelum perlantikan dibuat.<br><br>5. MCPSB akan memantau tuntutan interim dari MAIS secara harian dan membuat bayaran kepada sub-kontraktor secara 'back to back' setelah tuntutan diterima.<br><br>6. MCPSB telah menubuhkan jawatankuasa audit kualiti dalaman dan berdaftar dengan pihak SIRIM sebagai mematuhi sistem pengurusan kualiti (MS ISO 9001:2008).<br><br>7. MCPSB telah menggunapakai borang ISO bagi setiap kerja dan pemantauan dari wakil tapak dan juga jawatankuasa audit kualiti akan dilakukan.<br><br>8. Kajian tanah telah dilakukan walau bagaimanapun akan menggunapakai teknologi terbaru dengan kajian terperinci.<br><br>9. MCPSB mempunyai senarai kontraktor dalaman dimana penilaian terhadap kontraktor akan dilakukan bagi setiap 3 bulan. |
| 3. | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN** | 1. Kumpulan MAIS Corporation (KMC) hendaklah mengkaji semula sama ada MHCSSB mempunyai keperluan untuk terus beroperasi memandangkan perniagaan teras telah dipindahkan kepada YIDE (Yayasan Islam Darul Ehsan).<br><br>2. Keputusan MHCSSB untuk memindahkan perniagaan teras kepada YIDE adalah betul tetapi program pemberian perkhidmatan kesihatan, menyediakan pusat perkhidmatan dialisis dan memberi khidmat perubatan yang berkaitan hendaklah diteruskan oleh Lembaga Zakat Selangor. | | | 1. Selaras dengan penyusunan aktiviti perniagaan MAIS Health Care Services Sdn. Bhd., nama tersebut telah ditukar kepada MAIS Integrated Services Sdn. Bhd. yang telah menumpukan kepada aktiviti perniagaan pembersihan dan penyelenggaraan. |